



## PERANAN PARLIMENTARI DAN KONSTITUENSI

Dalam era perubahan iklim politik yang kian mencabar di seluruh dunia kini, ia sememangnya menuntut pengorbanan yang besar dalam kalangan pemimpin politik termasuklah wakil rakyat di Malaysia. Dengan kata lain, wakil rakyat tidak boleh duduk selesa dengan gelaran dan jawatan yang disandang tanpa sebarang kesan yang mendalam ke atas sistem politik dan sosial di sesebuah negara. Banyak peranan dan tanggungjawab yang perlu wakil rakyat tunaikan dan rencanakan demi kepentingan rakyat yang diwakilinya. Wakil rakyat perlu berbakti kepada rakyat bagi menjamin kelangsungan pembangunan negara khususnya untuk masa hadapan generasi muda pada hari ini.

Dalam konteks politik Malaysia seperti telah disebutkan dalam perbincangan sebelum ini, wakil rakyat mempunyai banyak peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan pada satu-satu masa. Ianya memerlukan pengorbanan bukan sahaja dari segi masa, tetapi wang ringgit dan tenaga demi kepentingan rakyat. Sudah tentunya sebagai salah seorang pembuat dasar dan terlibat dalam proses penggubalan undang-undang, maka wakil rakyat perlu berfikiran ke hadapan dan memahami tanggungjawab yang ada di bahunya yang telah diberikan mandat oleh rakyat yang telah memilihnya. Misalnya, sebagai perwakilan, maka wakil rakyat mewakili suara rakyat dan meluahkan semua isi hati rakyat dalam persidangan atau perbahasan dewan perundangan (parlimen dan DUN) sebagai suatu kewajipannya. Namun, adakah ini benar atau sekadar retorik sahaja? Tanpa diselidiki secara mendalam hal ini, maka sukar untuk menemui jawapannya.

Jadi, dalam bab ini membincangkan beberapa peranan utama wakil rakyat yang dibahagikan kepada tanggungjawab parlimentari dan konstituensi. Penentuan dua peranan utama (primer) wakil rakyat ini berdasarkan kepada doktrin pengasingan kuasa dan seterusnya berkait dengan doktrin percantuman kuasa. Justeru, peranan wakil rakyat bukan sahaja sebagai ahli badan perundangan (parlimentari), tetapi mempunyai tanggungjawab secara langsung kepada rakyat dan kawasan yang diwakilinya (peranan konstituensi). Selain itu, sebilangan wakil rakyat pula dilantik sebagai ahli badan eksekutif (Jemaah Menteri) menambahkan lagi tanggungjawab yang sedia ada. Dalam sistem politik Malaysia, semua wakil rakyat kecuali calon Bebas mewakili parti politik tertentu dan mempunyai tanggungjawab terhadap parti politik masing-masing, di mana perkara ini dibincangkan secara lanjut dalam Bab Lapan. Perbincangan dalam bab ini tentang peranan parlimentari dan konstituensi adalah berdasarkan dapatan kajian tinjauan yang telah dijalankan sebelum ini.

## PERANAN UMUM WAKIL RAKYAT

Apakah peranan wakil rakyat? Dalam persoalan ini, Gallop (2009: 1) menyatakan bahawa perbincangan boleh dimulakan melalui pelbagai cara yang berbeza dengan memberi tumpuan kepada yang bersifat hakiki (amanah) dan keperluan semasa. Sebagai pemimpin yang telah dipilih melalui pilihan raya, wakil rakyat berperanan sebagai perwakilan (*representatives*) dan ahli perundangan (*legislators*) dalam parlimen. Ini adalah peranan parlimentari bagi wakil rakyat dan sebab itu ia perlu mempunyai kebolehan bercakap dalam majlis parlimen (*chamber*) bagi rakyat dan kawasan pilihan raya yang diwakilinya (Ball, 1993: 138). Melalui peranan ini, wakil rakyat dianggap mewakili kepentingan, sikap dan nilai rakyat tanpa mengira ia mewakili parti pemerintah, pembangkang atau bebas. Melalui peranan ini juga wakil rakyat turut memainkan peranan dalam aspek konstituensi bagi rakyat dan kawasan